



Al Jazeera terbitkan dokumentari wawancara khas bersama Perdana Menteri

Oleh Suraya Ali - Jun 8, 2023 @ 8:46pm
suraya.ali@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Stesen TV antarabangsa Al Jazeera melalui Program 101 East bakal menerbitkan dokumentari baharu yang memaparkan wawancara eksklusif dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dokumentari itu menerokai kebangkitan Anwar sehingga dapat menduduki kerusi terpenting di Putrajaya dan cabaran yang dihadapi pentadbirannya sejak mengangkat sumpah enam bulan lalu.

Dalam temu bual eksklusif itu, Anwar membincangkan komitmennya untuk memperkenalkan pembaharuan yang telah lama dijanjikan dan menjelaskan keperluan untuk Malaysia beralih daripada dasar tindakan afirmatif berdasarkan kaum kepada berdasarkan keperluan.

Beliau turut menekankan kepentingan tadbir urus yang baik untuk memerangi rasuah dan memastikan kelangsungan hidup Malaysia.

Walaupun dengan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang Datuk Seri Hamzah Zainudin, Anwar tekad memulihkan kestabilan kerajaannya dengan sokongan majoriti dua pertiga kerusi Parlimen.

Dokumentari bertajuk "Malaysia's Anwar Ibrahim," turut memaparkan wawancara dengan ahli keluarga Ibrahim dan kini boleh didapati di YouTube dan Al Jazeera English.

Dokumentari terbaru itu menonjolkan kemajuan dan cabaran tempoh Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Malaysia enam bulan selepas mengangkat sumpah.

Anwar membincangkan perkongsianya dengan parti-parti politik dan komitmennya untuk memperkenalkan pembaharuan yang dijanjikan sambil turut mengakui kesilapan lalu dan keperluan untuk perubahan di Malaysia.

Beliau menekankan komitmennya untuk memperbaharui dasar tindakan afirmatif dan kepentingan tadbir urus yang baik dan memerangi rasuah.

Anwar juga menangani dakwaan potensi pengambilalihan kerajaan daripada pihak lawan dan pilihan raya negeri akan datang sebagai ujian penting terhadap prestasi kerajaannya.

Dokumentari "Malaysia's Anwar Ibrahim" mengupas keperibadian dan impak kebangkitan Anwar ke atas keluarganya dan ketika beliau memberi tumpuan melaksanakan tugas sebagai Perdana Menteri, akan disiarkan di Al Jazeera English (saluran Astro - 513) seperti berikut:

* Jumaat 9/6 6.30 pagi; Jumaat 9/6 5.30 petang;

* Sabtu 10/6 11.30 pagi

* Isnin 12/6 12.30 pagi dan Isnin 12/6 1.30 tengah hari.